

SULIT



**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013**

**1103/2**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**Jun**

$2\frac{1}{2}$  jam

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang khasiat cendawan terhadap kesihatan manusia dan usaha-usaha memajukan perusahan cendawan. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Cendawan ialah organisma yang unik dan tidak tergolong dalam alam haiwan atau alam tumbuhan. Cendawan sebenarnya membina kumpulannya sendiri yang dikenali sebagai alam kulat yang tidak berupaya menghasilkan makanan sendiri disebabkan kekurangan klorofil. Di kebanyakan negara, cendawan ditanam sebagai sumber makanan penduduk kerana mengandungi nilai gizi atau zat makanan yang tinggi. Spesies cendawan seperti tiram kelabu, tiram putih dan tiram raja adalah antara spesies yang popular dalam kalangan penggemar cendawan.

Dalam perubatan tradisional, cendawan digunakan secara meluas untuk mengubati pelbagai jenis jangkitan bakteria. Cendawan juga dikatakan dapat menghentikan masalah pendarahan. Selain itu, seseorang yang mempunyai tekanan darah tinggi digalakkan supaya mengambil ekstrak cendawan yang diproses kerana dipercayai mampu menjadi penawar untuk mengurangkan tekanan darah tinggi. Namun, tidak semua cendawan selamat dimakan oleh manusia. Hal ini demikian disebabkan terdapat juga cendawan yang beracun yang dapat memudaratkan kesihatan kerana mengandungi kadar toksik yang tinggi. Seseorang yang termakan cendawan yang beracun ini akan terdedah kepada masalah kerosakan hati. Selain itu, pengambilan cendawan yang beracun juga akan memusnahkan sintesis protein dalam tubuh badan manusia.

Kajian menunjukkan bahawa cendawan merupakan sumber yang kaya dengan antibiotik untuk melawan bakteria yang menjadi punca penyakit. Di samping itu, cendawan juga dapat meningkatkan sistem imunisasi dalam tubuh manusia. Satu penemuan penting tentang keistimewaan cendawan ialah kemampuannya dalam merawat penyakit kanser. Kajian juga menunjukkan bahawa cendawan mengandungi bahan aktif yang dikenali sebagai *polisakarida* yang menjadi penawar kepada penyakit kanser. Mereka yang mempunyai kadar kolesterol yang tinggi disarankan supaya menjadikan cendawan sebagai makanan harian kerana cendawan mampu mengurangkan kadar kolesterol dalam tubuh badan. Selain memberi kebaikan kepada tubuh manusia, cendawan juga berfungsi sebagai penggubah utama bahan organik kepada bentuk baja. Cendawan berperanan sebagai salah satu *elemen utama* kitar semula hutan.

Perusahaan cendawan yang berkembang pesat, seperti cendawan tumbuh selepas hujan, sebaik-baiknya hendaklah seiring dengan kesedaran tentang manfaat pemakanan cendawan. Walau bagaimanapun, penggemar cendawan dinasihati supaya mempunyai pengetahuan untuk mengenali jenis-jenis cendawan liar yang selamat dimakan supaya tidak termakan cendawan yang beracun yang boleh memudaratkan kesihatan. Begitu juga, individu yang hendak mengambil makanan tambahan yang berasaskan cendawan perlu mendapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil keputusan untuk menggunakannya.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Cendawan Kaya dengan Antibiotik'  
oleh Wardah Abdul Rahman,  
*Dewan Kosmik, April 2011*

### Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

#### Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud *elemen utama*. [2 markah]
- (ii) Pengarang ada menyatakan bahawa cendawan yang beracun memberi kesan buruk kepada manusia.  
Nyatakan kesan-kesan tersebut. [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda ingin menjadi usahawan cendawan, apakah perkara-perkara yang diperlukan untuk memulakan perusahaan cendawan tersebut? [4 markah]

**Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden**

*Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

ONN : Cuba tuan tanya setiap orang yang berbangsa Melayu. Mahukah kamu merdeka? Tentu mereka tidak mahu. Merdeka ertinya berjuang, itu yang mereka tak bersetuju. Lebih baik tangkap ikan, duduk di warung kopi, lepas itu mengelamun tak menentu. Itulah yang harus kita pecahkan. Kebuntuan pemikiran Melayu harus kita selesaikan. Yang duduk di kedai kopi harus kita sedarkan. Yang bodoh tidak belajar, harus kita sekolahkan. Barulah kemunduran dapat diatasi. Orang Melayu bekerja penuh dedikasi. Tidak lagi dilamun mimpi. Dan, kemiskinan dapat dibasmi.

SYED HUSSEIN: Tepat sekali, tetapi kita harus ada tempat untuk menyuarakan segala pendapat. Sebagai nelayan suara kita tersekat. Perjuangan tak sampai ke matlamat.

ONN : Hanya ada satu cara untuk menyuarakan pendapat. Dalam surat khabar kita boleh menulis dengan tepat. Masa sudah tiba untuk mengubah pemikiran rakyat, supaya hidup tidak merempat.

SYED HUSSEIN: Benar, kerana itulah saya datang berjumpa dengan Encik Onn ini. Kita harus tubuhkan akhbar kita sendiri. Di sana suara kita menjadi saksi. Rakyat harus dibangunkan dari segala segi.

Dipetik daripada drama  
'Dato' Onn' oleh Othman Haji Zainuddin  
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Nyatakan cara-cara membangunkan masyarakat Melayu. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, selain menggunakan surat khabar, apakah kaedah-kaedah yang sesuai digunakan untuk menyuarakan pendapat kita kepada pihak kerajaan? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan drama di atas dan **satu** latar masyarakat yang lain daripada drama tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

**Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional**

*Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Maka tersenyum Khoja Maimun, katanya, “Adakah orang yang mahu membeli burung yang segenggam ini seribu dinar? Layaknya unggas ini makanan kucing juga.”

Setelah Bayan itu mendengar kata Khoja Maimun, maka katanya, “Hai Khoja Maimun, sungguhlah hamba ini sekepal, tetapi hati hamba di mana tuan tahu? Akan sekalian alam ini di bawah tilik hamba dan hamba ini bukannya seperti unggas yang lain; tetapi bukan hamba ini daripada unggas syurga dan daripada bangsa malaikat, dan bukan hamba daripada jin, tetapi hamba Allah Taala, senantiasa memuji-muji Allah *Azzawajalla*; dan akan hati hamba ini, yang akan datang sepuluh hari sudah hamba ketahui sebarang halnya. Adapun akan sekarang ini tiga hari lagi datanglah kafilah dari negeri Babil hendak membeli dagangan yang bernama sanbal. Jikalau tuan hamba hendak membeli hamba, bertangguhlah dahulu kepada orang yang menjual hamba ini, dan tuan hamba kumpulkanlah sanbal dalam negeri ini; apabila datang kafilah itu, tuan hamba juallah; *insya-Allah* daripada laba sanbal itulah tuan hamba beli hamba.

Setelah Khoja Maimun mendengar kata Bayan itu, terlalulah sangat sukacitanya seraya katanya kepada orang itu, “Tuan hamba berikanlah hamba burung ini, darihal harganya hamba minta bertangguh dahulu.”

Maka jawab orang yang menjual Bayan itu, “Baiklah, hamba beri bertangguh, apa salahnya.”

Dipetik daripada  
‘Hikayat Khoja Maimun’  
dalam antologi *Harga Remaja*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Nyatakan kelebihan-kelebihan yang dimiliki oleh Bayan. [2 markah]
- (ii) Mengikut cadangan Bayan, bagaimanakah Khoja Maimun boleh mendapatkan wang untuk membeli dirinya? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah pemilik Bayan sanggup menjualnya kepada Khoja Maimun walaupun bayarannya ditangguhkan?

Berikan **dua** sebab.

[3 markah]

**Soalan 2(d) – Syair**

Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**SYAIR DEFINISI ORANG BERAKAL**

Orang berakal sangatlah mulia,  
Pakaian anbia dan aulia,  
Barang siapa mengikut dia,  
Itulah tanda orang bahagia.

Kerana ia akalunya tajam,  
Menjadi kepala bela bermacam,  
Jikalau mata melihatkan kejam,  
Disebutlah jalannya ia tersunjam.

Telek pandangan dengan makrifat,  
Sangatlah mengasihi tuan dan sahabat,  
Tiada mengasihi orang yang jahat,  
Takut akhirnya menjadi fazihat.

Sebagai lagi tanda berakal,  
Perintah syarak tidak menyangkal,  
Menjauhkan tamak hendak tawakal,  
Ibanya tahu dunia tak kekal.

Jika ia dikasihi raja,  
Tiadalah ia melanja-lanja,  
Tiadalah menyombong pada bekerja,  
Dengan taulannya bersamaan sahaja.

Apabila raja kasih sangat,  
Makin itu makin ia ingat,  
Segala taulannya hatinya dihambat,  
Merendahkan diri serta berkhidmat.

Demikian lagi dengar olehmu,  
Tanda berakal kasihkan ilmu,  
*Suka mentelaah tiadalah jemu,*  
Mencari kupasan jangan tersemu.

**Abu Hassan Sham** (Penyelenggara)  
*Antologi Harga Remaja,*  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *suka mentelaah tiadalah jemu*. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, selain untuk mengelakkan diri daripada mendapat malu, mengapakah orang berakal tidak suka berkawan dengan orang jahat?  
Berikan **dua** sebab. [3 markah]
- (iii) Nyatakan **dua** pengajaran yang terdapat dalam **rangkap keempat** dan **dua** pengajaran yang terdapat dalam **rangkap kelima** syair tersebut. [4 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan.*

(a) **Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.**

- (i) adab
- (ii) beradab
- (iii) peradaban
- (iv) khidmat
- (v) berkhidmat
- (vi) perkhidmatan

[6 markah]

(b) **Tukar ayat aktif di bawah kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.**

- (i) Penyambut tetamu itu mempersilakan beliau duduk di hadapan.
- (ii) Kita perlu mengenal pasti potensi diri jika ingin mencapai kejayaan.
- (iii) Aktiviti kokurikulum memperkukuh perpaduan murid berbilang kaum di negara ini.
- (iv) Pasukan Kadet Polis sekolah itu akan menjalani latihan menembak pada minggu hadapan.
- (v) Baginda mengurniakan darjah kebesaran kepada atlet yang telah mengharumkan nama negara kita.
- (vi) Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) menggesa pengusaha kantin sekolah supaya menyediakan makanan berkhasiat.

[6 markah]

(c) **Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.**

- (i) Mesin membuat mi segera yang dipamerkan di Ekspo Usahawan Muda Kebangsaan itu ialah hasil rekacipta seorang pelajar Institut Kemahiran Mara.
- (ii) Setiap anggota polis mestilah mempunyai pesonaliti yang baik bagi menunjuk kewibawaan mereka semasa menjalankan tugas.
- (iii) Perubahan iklim telah menyebabkan gangguan eko-sistem, kehilangan kawasan pesisir pantai dan memupuskan terumbu karang.

[6 markah]



(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kempen menggalakkan orang ramai memberi darah perlu dipergiat kerana darah amat diperlukan supaya menyelamatkan nyawa.
- (ii) Pemilik kedai emas itu telah memberi bonus kepada penjaga keselamatan di kedainya kerana berjaya menghalang perompak dari merompak kedai tersebut.
- (iii) Makanan berlemak dan terlalu manis bukan baik untuk kesihatan kerana boleh menyebabkan kita terbuka kepada risiko pelbagai penyakit.

[6 markah]

(e) *Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.*

Mengenang budi memang menjadi amalan masyarakat kita sejak dahulu lagi. Orang yang banyak berbakti dan berjasa tetap akan dikenang sekalipun orang itu telah meninggal dunia seperti yang terungkap dalam peribahasa \_\_\_\_\_ (i).  
Namun begitu, terdapat juga segelintir anggota masyarakat yang tidak mengenang budi sebagaimana yang digambarkan oleh peribahasa \_\_\_\_\_ (ii).  
Oleh itu kita dinasihati supaya tidak lupa akan jasa dan bakti yang diterima, malah cubalah berusaha untuk membalasnya kerana peribahasa ada menyebut \_\_\_\_\_ (iii).

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Papa ... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
  - (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
  - (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
  - (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
  - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
  - (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
  - (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
  - (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua latar tempat** yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]
- (b) Pertentangan pendapat antara watak dalam sesebuah novel bertujuan untuk mengembangkan jalan cerita.  
Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan pertentangan pendapat antara watak utama dengan satu watak lain dalam novel-novel tersebut. [8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**